

**DASAR ORANG KURANG UPAYA (OKU)**  
**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Isi Kandungan

1. Pengenalan
2. Universiti dan Warga OKU
3. Menjadikan USM sebagai Universiti Mesra OKU
  - 3.1 Rasional Kepada Dasar
  - 3.2 Objektif Dasar
  - 3.3 Penggunaan Istilah OKU
    - 3.3.1 Istilah Kampus
    - 3.3.2 Istilah Pelajar USM
  - 3.4 Penubuhan Kluster OKU USM
  - 3.5. Dasar Am Untuk Warga OKU USM
  - 3.6 Dasar Kemudahan Pembelajaran OKU
  - 3.7 Dasar Kebolehcapaian Persekutuan Fizikal Kampus OKU
  - 3.8 Dasar Kemudahan Psikososial dan Komunikasi OKU
  - 3.9 Dasar Pengurusan Warga OKU
  - 3.10 Dasar Kesihatan dan Keselamatan OKU
  - 3.11 Dasar Emosi dan Kaunseling OKU
  - 3.12 Dasar Kesukarelawan / Pembantu OKU
  - 3.13 Dasar Tadbir Urus OKU
  - 3.14 Dasar Peperiksaan dan Alat Bantu Pengajian OKU
  - 3.15 Dasar Am Pekerja OKU USM (Akta Orang Kurang Upaya, 2008)
4. Penutup
5. Glosari dan Singkatan kata
6. Lampiran-lampiran:
  - Lampiran 1 - Akta OKU 2008
  - Lampiran 2 - Konvensyen PBB/ *UN Convention* berhubung hak golongan OKU
  - Lampiran 3 - Garis Panduan Piawaian Kandungan Aksesibiliti W3C.  
Sila rujuk <http://www.w3.org/TR/WCAG20/>
  - Lampiran 4 - Kerajaan Tempatan MS1184

## **1. PENGENALAN**

Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan sebahagian warganegara Malaysia dan mempunyai hak untuk menikmati sepenuhnya segala kemudahan untuk meningkatkan taraf hidup masing-masing dalam semua aspek pembangunan seperti yang termaktub dalam Akta OKU, 2008. Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), jumlah OKU yang berdaftar di Malaysia adalah sebanyak 513,519 pada tahun 2018 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2019). Jumlah ini walau bagaimanapun dikatakan masih rendah memandangkan masih terdapat OKU yang tidak mendaftar kerana pendaftaran OKU di negara ini bukan merupakan sesuatu yang wajib. Mengikut anggaran Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB), jumlah OKU di negara sedang membangun seperti Malaysia adalah antara 5 sehingga 10 peratus. Jika anggaran ini diambil kira, jumlah OKU di Malaysia dianggarkan berjumlah paling minimum 1.4 juta orang berdasarkan jumlah pendudukan semasa.

Jenis kecacatan yang dikategorikan sebagai OKU oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada masa sekarang adalah:-

- i) kecacatan anggota fizikal;
- ii) penglihatan;
- iii) pendengaran;
- iv) “Cerebral Palsy” (CP);
- v) masalah pembelajaran;
- vi) masalah pertuturan; dan
- vii) kecacatan pelbagai.

Golongan OKU pada hari ini semakin sedar tentang hak dan keperluan masing-masing terutama dalam bidang pendidikan dan pekerjaan. Sehubungan ini, didapati semakin ramai Warga OKU yang berjaya dalam akademik dan bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Meskipun golongan ini mempunyai kekurangan dan keterbatasan dalam menjalani aktiviti harian namun, mereka ini masih mempunyai hak dan keperluan yang perlu diberi perhatian yang sama seperti individu normal yang lain. Hal ini termasuk dalam mendapat peluang pendidikan, pekerjaan dan perlindungan serta keprihatinan daripada semua pihak. Pada hari ini, ramai dalam kalangan OKU telah membuktikan bahawa kekurangan yang ada bukan satu penghalang bagi mereka untuk menempa nama dipersada negara dan antarabangsa dalam bidang kesukuan mahupun pendidikan. Ramai ikon OKU yang telah berjaya membuktikan kemampuan mereka dengan cemerlang. Pencapaian OKU ini sekaligus telah

menempatkan mereka sebagai modal insan yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Oleh yang demikian, menjadi satu tanggungjawab kepada sesebuah institusi pendidikan tinggi menyediakan platform dan prasarana yang kondusif kepada golongan OKU agar dapat melahirkan OKU yang berdaya saing seiring dengan matlamat Kementerian Pendidikan yang mahukan golongan OKU di Universiti Awam dapat diperkasakan secara holistik. Malah ianya selaras dengan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK 11), dengan menumpukan kepada keperluan OKU yang masih perlu ditambah baik dalam memperkuuhkan pembangunan inklusif dan lestari untuk kesejahteraan Malaysia. Jumlah golongan OKU yang mendapat kelulusan cemerlang pada peringkat peperiksaan SPM dan STPM semakin meningkat, mereka seharusnya ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang tertinggi dan diberikan peluang mendapat peluang pekerjaan yang setaraf dengan kelulusan yang diperolehi.

## **2. UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DAN WARGA OKU**

Menjadi hasrat Universiti Sains Malaysia (USM) untuk memberikan perkhidmatan yang komprehensif kepada semua warganya, termasuk dalam kalangan mereka yang dikategorikan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU). Statistik yang diperoleh daripada Unit Pembangunan Operasi Organisasi, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar Universiti Sains Malaysia (USM) sehingga 10 Januari 2020 mencatatkan seramai 17 orang staf OKU yang sedang berkhidmat di pelbagai pusat tanggungjawab (PTJ) di dalam Kampus. Manakala seramai 48 orang Warga OKU dalam pelbagai bidang pengajian sedang mengikuti kursus pembelajaran mereka di USM.

USM adalah sebuah Universiti yang amat prihatin terhadap kebajikan dan keperluan golongan yang memerlukan. Perkara ini selaras dengan misi USM dalam memperkasakan golongan terkebawah. Pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilakukan oleh USM dalam semangat menyokong kepada keperluan penyediaan infrastruktur, kebajikan, kebolehcapaian, proses tadbir urus dan sokongan psikososial untuk golongan OKU yang sedia ada khususnya dalam kampus. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan USM amat serius dalam usaha mengintegrasikan potensi golongan OKU agar dapat meningkatkan modal insan yang berkualiti meskipun mempunyai kekurangan.

Kesemua bentuk sokongan yang diberikan nyata ke arah menjadikan USM selaku Kampus yang mesra OKU. Usaha USM ini juga adalah sejajar dengan fokus yang ditekankan oleh

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pendidikan Tinggi (Lampiran 1).

### **3. MENJADIKAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA MESRA OKU**

#### **3.1 Rasional kepada Dasar**

Golongan Warga OKU USM memerlukan sokongan untuk membolehkan mereka meneruskan pelajaran mereka secara bebas dan berdikari dari aspek sosial, emosi dan juga persekitaran. Hal ini adalah selaras dengan tuntutan dalam Akta OKU 2008 (Lampiran 2) & Konvensyen PBB/ *UN Convention* berhubung hak golongan OKU (Lampiran 3) yang menuntut semua institusi pengajian tinggi di negara ini, termasuk USM, untuk menyediakan kemudahan yang boleh dicapai sepenuhnya di samping menyediakan peluang yang sama kepada Warga OKU dalam semua aspek termasuk pendidikan, persekitaran fizikal, persekitaran ekonomi dan sosial budaya untuk membolehkan Warga OKU USM melibatkan diri sepenuhnya dalam aktiviti di Universiti Awam.

#### **3.2 Objektif Dasar**

Objektif Dasar OKU adalah untuk:

1. Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak OKU.
2. Memperkasa golongan OKU USM dengan hak dan peluang yang sama rata untuk membolehkan penyertaan penuh dan berkesan dalam pendidikan mereka di Universiti.
3. Memberikan kebolehcapaian kepada semua warga OKU USM, dengan itu USM berusaha memberikan kemudahan yang berkesan bagi mereka menjalani kehidupan sebagai sebahagian daripada warga kampus.

#### **3.3 Penggunaan istilah OKU**

USM menggunakan istilah "Orang Kurang Upaya" bagi singkatan OKU. Hanya istilah ini digunakan secara sah dalam Akta 685, Undang-undang Malaysia iaitu Akta Orang Kurang Upaya 2008.

### **3.3.1 Istilah Kampus**

"Kampus", ertiannya Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan, Kampus Kesihatan (termasuk Kampus KLE India) dan Institut Perubatan Pergigian Termaju (IPPT).

### **3.3.2 Istilah Pelajar USM**

"pelajar" bermaksud mana-mana pelajar berdaftar yang mengikuti kursus secara sah di Universiti.

## **3.4 Penubuhan Kluster OKU USM**

1. Bertujuan memastikan dan memantau pelaksanaan dasar OKU di Malaysia.
2. Menjadikan USM sebagai Universiti Mesra OKU melalui Dasar OKU.
3. Memberi dan menyediakan khidmat nasihat untuk perancangan dan pelan menepati piawai antarabangsa untuk rekabentuk sejagat khasnya untuk keperluan golongan OKU.

Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif OKU di Institusi Pendidikan Tinggi telah mengesyorkan penubuhan sebuah Unit Inklusif OKU bagi penyelarasan dan pelaksanaan keperluan golongan OKU di bawah Pejabat Naib Canselor.

Ketika ini di USM telah mewujudkan Kluster OKU yang merupakan penggerak utama dalam menangani isu-isu dan menjaga kebajikan OKU. Oleh itu, dicadangkan bahawa kluster sedia ada ini diteruskan bagi memberi nilai tambah kepada perkhidmatan kepada golongan OKU.

Keanggotaan Kluster OKU USM adalah terdiri daripada :-

- (1) Seorang Pengerasi Kluster OKU yang akan dilantik oleh Naib Canselor;
- (2) Seorang wakil Pengurusan Tertinggi;
- (3) Seorang wakil seksyen Jaringan Industri dan Masyarakat (JIM);
- (4) Seorang wakil Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA);
- (5) Seorang wakil Pusat Pengajaran Perumahan, Bangunan dan Perancangan (PBP);
- (6) Seorang wakil Pusat Pengajaran Ilmu Pendidikan (PPIP);
- (7) Seorang wakil Pusat Pengajaran Sains Kemasyarakatan (PPSK);
- (8) Pengarah Pembangunan dan Pengurusan Aset;

- (9) Pengarah Jabatan Keselamatan;
- (10) Timbalan Pendaftar Kanan Bahagian Sumber Manusia;
- (11) Pengarah Pusat Sejahtera;
- (12) Wakil dari Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti;
- (13) Wakil dari setiap Kampus yang dilantik oleh Pengarah Kampus;
- (14) Wakil Staff dan Warga OKU; dan
- (15) Lima lagi Wakil daripada PTJ berkaitan yang dilantik oleh Naib Canselor.

### **3.5 Dasar Am Untuk Staf OKU USM**

Perincian dasar ini boleh dirujuk pada Akta Orang Kurang Upaya 2008, pada Bab 1, Seksyen 29, Akses kepada pekerjaan.

### **3.6 Dasar Kemudahan Pekerjaan OKU**

Perincian dasar ini boleh dirujuk pada Akta Orang Kurang Upaya 2008, pada Bab 1, Seksyen 29, Akses kepada pekerjaan

### **3.7 Dasar Am Untuk Warga OKU USM**

1. Mengadakan kempen kesedaran tentang hak OKU secara berkala kepada semua warga USM.
2. Mengadakan ceramah kesedaran tentang keperluan dan hak Warga OKU semasa minggu siswa lestari.
3. Menguatkuasakan peraturan untuk mengatasi masalah penyalahgunaan kemudahan yang disediakan untuk keselamatan golongan OKU.
4. USM bertanggung jawab untuk menyediakan kemudahan dan sokongan pembelajaran kepada Warga OKU semasa di kampus USM tertakluk kepada keupayaan sumber.
5. USM bertanggung jawab mencadangkan keperluan bantuan peralatan sokongan dan bantuan pembelajaran kepada Warga OKU tertakluk kepada keupayaan sumber.

6. USM harus mempunyai bank data yang lengkap berkenaan OKU di Kampus USM merangkumi profil individu, kemudahan fizikal dan sistem sokongan pembelajaran.
7. USM bertanggungjawab menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra OKU bagi membantu pengajaran dan pembelajaran serta kebolehsampaian yang optimum.
8. USM menggalakkan agar setiap laman web USM boleh dicapai oleh semua golongan. Semua laman web USM haruslah mematuhi Garis Panduan Piawaian Kandungan Aksesibiliti W3C (Lampiran 3).

### **3.8 Dasar Kemudahan Pembelajaran OKU**

1. Memastikan kebolehsampaian Warga OKU ke dewan kuliah dan bilik tutorial yang bersesuaian.
2. Tenaga pengajar harus didedahkan kepada cara berinteraksi dengan Warga OKU.
3. Penyusunan jadual kuliah dan tutorial harus mengambil kira golongan Warga OKU.
4. Tenaga pengajar harus menyediakan nota kuliah mengikut format yang boleh diakses oleh Warga OKU berdasarkan kepada keperluan dan kategori Warga OKU.
5. Tenaga pengajar digalakkan menyediakan peruntukan lebihan masa kepada Warga OKU sekiranya perlu dalam hal berkaitan tugas dan projek.
6. Tenaga pengajar digalakkan mengetahui kapasiti kekuatan dan kelemahan Warga OKU dan menggunakan budi bicara untuk memudahkan urusan dan keperluan mereka dalam menyelesaikan tugas mereka.
7. Kemudahan Perpustakaan Mesra OKU
  - (a) Perpustakaan harus mesra OKU dan mempunyai kemudahan untuk OKU membuat ulangkaji pelajaran masing-masing dan meminjam buku.

- (b) Perpustakaan harus menyediakan bilik khas untuk OKU bagi membolehkan mereka menerima bantuan daripada pembantu yang telah ditetapkan terutama bagi OKU penglihatan dan pendengaran.
- (c) OKU dibenarkan membuat pinjaman buku perpustakaan melalui orang kedua dengan syarat kad perpustakaan peminjam OKU disertakan. Khidmat penghantaran buku juga perlu disediakan bagi golongan OKU ini.
- (d) Perpustakaan harus mempunyai lampu kecemasan selain loceng, untuk menandakan tempoh masa penggunaan perpustakaan tamat atau bagi tujuan kecemasan.
- (e) Memastikan OKU (pendengaran sekiranya ada) menyerahkan kad matrik semasa menggunakan perpustakaan dan mengambilnya semula semasa meninggalkan perpustakaan. Prosedur ini dicadangkan untuk memastikan OKU meninggalkan perpustakaan apabila perpustakaan ditutup agar pelajar tersebut tidak terkunci di dalam perpustakaan.

### **3.7 Dasar Kebolehsampaian Persekuturan Fizikal Kampus OKU**

- 1. Kemudahan fizikal mematuhi rekabentuk sejagat seperti *ramp* (landas), tandas, tempat letak kereta, pintu, *tactile*, kaunter yang mesra OKU [mengikut garis panduan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan MS1184 (Lampiran 4) sebaiknya disediakan di setiap bangunan di dalam Kampus USM].
- 2. Semua bangunan yang digunakan oleh OKU sebaiknya dilengkapkan dengan isyarat kecemasan (lampu merah bagi OKU pendengaran) yang diselaraskan dengan loceng kecemasan kebakaran.
- 3. Lif sebaiknya disediakan dengan kemudahan Braille dan suara penanda aras dan juga papan tanda yang sesuai tentang panduan kecemasan.
- 4. Semua kawasan dan bangunan harus mempunyai papan tanda tunjuk arah yang memuaskan sebagai panduan kepada OKU pendengaran.
- 5. Semua laluan di dalam bangunan haruslah bebas daripada segala halangan yang boleh menghalang pergerakan OKU.

### **3.8 Dasar Kemudahan Psikososial dan Komunikasi OKU**

1. Mengelakkan diskriminasi terhadap pelajar. Warga OKU tidak boleh dinafikan hak mereka dalam sukan dan kemudahan rekreasi.
2. Golongan OKU harus diberikan galakan untuk mengambil bahagian dalam kurikulum, sukan dan kebudayaan selaras dengan dasar kerajaan.
3. Penganjur bengkel, seminar dan kursus yang melibatkan OKU haruslah menyediakan kemudahan seperti penterjemah bahasa isyarat, bahan-bahan Braille bagi kemudahan OKU pendengaran dan penglihatan sekiranya perlu.

### **3.9 Dasar Pengurusan Warga OKU**

1. Setiap Warga OKU yang mendaftar masuk ke USM harus dimaklumkan kepada pusat pengajian yang terlibat.
2. Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA) membantu Warga OKU mendaftarkan diri dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membolehkan mereka mendapat elauan OKU dan berusaha membantu pelajar berkenaan mendapatkan penempatan / pekerjaan yang sesuai selepas tamat pengajian.
3. BHEPA menyediakan bahagian yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan OKU sepenuh masa.
4. Pembantu OKU dibenarkan mendapat pelekat kenderaan agar mereka dapat menggunakan kenderaan di dalam kampus. Nisbah yang dicadangkan ialah dua orang pembantu bagi setiap seorang OKU sekiranya perlu.
5. Semua Warga OKU diberikan kemudahan penginapan dalam kampus.
6. Unit Peperiksaan memberikan pertimbangan terhadap pengubahsuaian yang diperlukan oleh Warga OKU semasa menduduki peperiksaan. Antara pengubahsuaian yang mungkin diperlukan oleh Warga OKU adalah dari aspek penambahan masa, tempat yang sesuai untuk membolehkan Warga OKU menduduki peperiksaan dengan selesa dan kertas soalan dalam format yang sesuai.

7. Staf USM harus peka terhadap keperluan OKU dan cuba memenuhi keperluan tersebut seboleh mungkin.
8. Semua kemudahan untuk OKU tidak boleh disalahgunakan.

### **3.10 Dasar Kesihatan dan Keselamatan OKU**

1. Staf USM harus peka terhadap keperluan OKU dan cuba memenuhi keperluan tersebut seboleh mungkin.
2. Tenaga pengajar, Jabatan Keselamatan, Penggawa Desasiswa perlu bertindak segera membawa pelajar ke Pusat Sejahtera sekiranya Warga OKU mengalami sebarang kecederaan, sawan dan lain-lain kemalangan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

### **3.11 Dasar Emosi dan Kaunseling OKU**

1. Memastikan Warga OKU yang mempunyai masalah emosi, tekanan, stigma dan diskriminasi dikenalpasti pada peringkat awal bagi membolehkan intervensi dapat dilaksanakan.

### **3.12 Dasar Kesukarelawan / Pembantu OKU**

1. Pembantu OKU boleh mendapatkan pelekat kenderaan agar mereka dapat menggunakan kenderaan di dalam kampus. Nisbah yang dicadangkan ialah dua (2) orang pembantu bagi setiap seorang OKU sekiranya perlu.
2. Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA) boleh melantik pembantu OKU dan boleh diberikan elaun seperti yang diamalkan oleh kebanyakan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain.
3. Pembantu OKU disyorkan mendapatkan latihan *Disability Equality Training* (DET) bagi memastikan mereka berkemahiran mengendalikan Warga OKU.

### **3.13 Dasar Tadbir Urus OKU**

1. Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA) mewujudkan unit khas yang memfokuskan kepada hal-hal berkaitan Warga OKU bagi memudahkan pelajar mendapat maklumat dan menjadi sumber rujukan sepanjang pengajian.

2. BHEPA membantu Warga OKU mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi membolehkan mereka mendapat elaun OKU dan melakukan kolaborasi dan usaha membantu pelajar mendapatkan penempatan/pekerjaan yang bersesuaian selepas tamat pengajian.
3. Pusat Pengajian yang mempunyai Warga OKU digalakkan untuk menyediakan bantuan sokongan dalam mengendalikan urusan dan keperluan Warga OKU.

### **3.14 Dasar Peperiksaan dan Alat Bantu Pengajian OKU**

1. Pusat Pengajian mengenalpasti keperluan alat bantu Warga OKU yang menduduki peperiksaan dan berhubung dengan unit peperiksaan untuk menyediakan kemudahan tersebut.
2. Format kertas soalan perlu bersesuaian mengikut kategori Warga OKU.
3. Pusat Pengajian boleh menyediakan pembaca sebagai pemudah cara untuk membantu Warga OKU semasa menduduki perperiksaan.
4. Unit Peperiksaan disyorkan menyediakan ruang khas kepada Warga OKU untuk menduduki peperiksaan.
5. Lebihan masa boleh diperuntukkan kepada Warga OKU semasa menduduki peperiksaan bagi memastikan mereka dapat menjawab dengan baik.

### **3.15 Dasar Am Pekerja USM (Akta Orang Kurang Upaya 2008)**

1. OKU hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada pekerjaan atas dasar kesetaraan dengan orang upaya.
2. USM hendaklah melindungi hak orang kurang upaya, atas dasar kesetaraan dengan orang upaya, untuk mendapatkan suasana kerja yang adil dan baik termasuk peluang sama rata dan saraan sama rata bagi kerja yang sama nilai, suasana kerja yang selamat dan sihat, perlindungan daripada gangguan dan memulihkan ketidakpuasan hati.
3. USM hendaklah dalam melaksanakan kewajipan sosialnya berusaha untuk menggalakkan pekerjaan yang stabil bagi orang kurang upaya dengan menilai keupayaannya dengan sewajarnya, menyediakan tempat pekerjaan yang sesuai dan menjalankan pengurusan pekerjaan yang sesuai.

#### **4.0 PENUTUP**

Dasar OKU USM ini merupakan komitmen USM untuk memberikan sokongan jitu dan memastikan golongan Warga OKU mendapat hak dan peluang yang sama rata dengan orang lain. USM ingin memastikan OKU dapat menikmati alam pendidikan mereka secara saksama dan penyertaan penuh dalam segala aspek kehidupan sebagai warga kampus.

## **5.0 GLOSARI DAN SINGKATAN KATA**

### **OKU**

Orang Kurang Upaya

### **Warga OKU USM**

Pelajar dan Staf USM

### **JIM**

Seksyen Jaringan Industri dan Masyarakat USM

### **Kluster OKU**

Kluster yang ditubuhkan dibawah JIM untuk memertabatkan golongan OKU di dalam USM.

### **Akta OKU 2008**

Akta yang diluluskan di Parlimen ( Dewan Negara ) pada 24 Disember 2007 dan telah diwartakan pada 24 Januari 2008 dan dikuatkuasakan pada 7 Julai 2008.

### **Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM)**

Agensi kerajaan dibawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang memainkan peranan dalam pembangunan sosial di Malaysia

### **BHEPA**

Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni

### **PBP**

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan

### **PPIP**

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM

### **PPSK**

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan USM

### **PTJ**

Pusat Tanggung Jawab USM

**BORANG B**

Penjaga Polisi ;	Naib Canselor Universiti Sains Malaysia
Pegawai Bertanggungjawab ;	Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Tarikh Kelulusan ;	27 Januari 2020
Pihak Yang Meluluskan ;	Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia
Tarikh Kuatkuasa ;	Serta Merta
Tarikh Semakan ; (sekiranya ada)	-
Pihak Yang Boleh Dihubungi ;	Dekan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia  Penasihat Undang-Undang Universiti Sains Malaysia